



28 Mei 2013
28 May 2013
P.U. (B) 240

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PEMBERITAHUAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PENGECCUALIAN KEPADA PEKERJA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI) 2013

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (EXEMPTION TO EMPLOYEES OF FEDERAL GOVERNMENT AND STATE GOVERNMENTS) NOTIFICATION 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

PEMBERITAHUAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PENGECUALIAN KEPADA
PEKERJA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 98 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Keselamatan Sosial Pekerja (Pengecualian kepada Pekerja Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri) 2013**.

(2) Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2013.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan semua pekerja Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri daripada kuat kuasa Akta.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), pengecualian itu tidak terpakai bagi pekerja Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang diambil kerja sebagai pekerja sementara atau kontrak—

(a) pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Pemberitahuan ini;
atau

(b) sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Pemberitahuan ini dan pekerjaan mereka berterusan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Pemberitahuan ini.

Pekerja sementara atau kontrak yang diambil kerja sebagai pekerja tetap

3. Mana-mana pekerja sementara atau kontrak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang disebut dalam subperenggan 2(2) yang kemudiannya diambil kerja sebagai pekerja tetap tidak boleh dilucutkan apa-apa faedah yang baginya dia berhak di bawah Akta tertakluk kepada kelayakan caruman.

Pembatalan

4. Pengecualian di Bawah Seksyen 100 [*P.U. (B) 643/1982*] dibatalkan.

Bertarikh 22 Mei 2013
[KSM/PUU/T/01/01/04; PN(PU2)58/XVII]

DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM
Menteri Sumber Manusia

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY ACT 1969

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (EXEMPTION TO EMPLOYEES OF FEDERAL
GOVERNMENT AND STATE GOVERNMENTS) NOTIFICATION 2013

IN exercise of the powers conferred by section 98 of the Employees' Social Security Act 1969 [Act 4], the Minister makes the following notification:

Citation and commencement

1. (1) This notification may be cited as the **Employees' Social Security (Exemption to Employees of Federal Government and State Governments) Notification 2013**.

(2) This Notification comes into operation on 1 June 2013.

Exemption

2. (1) The Minister exempts all employees of the Federal Government and State Governments from the operation of the Act.

(2) Notwithstanding subparagraph (1), the exemption shall not apply to employees of the Federal Government and State Governments who are employed as temporary or contract employees—

(a) on or after the date of coming into operation of this Notification; or

(b) prior to the date of coming into operation of this Notification and their employments continue after the date of coming into operation of this Notification.

Temporary or contract employee employed as permanent employee

3. Any temporary or contract employee of the Federal Government and State Governments referred to in subparagraph 2(2) who is subsequently employed as a permanent employee shall not be deprived of any benefits to which he is entitled under the Act subject to contribution eligibility.

Revocation

4. The Exemption Under Section 100 [*P.U. (B) 643/1982*] is revoked.

Dated 22 May 2013

[KSM/PUU/T/01/01/04; PN(PU2)58/XVII]

DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM
Minister of Human Resources